



Term: 1st Quarter 18 | Newsletter 1

## PENTADIRAN PELESENAN KELAB FAM

Pentadbiran Pelesenan Kelab FAM (CLA) diuruskan oleh Andrew Soorian (Pengurus Pelesenan Kelab) dan Vijash Naidu Meniandi (Pen. Pengurus Pelesenan Kelab). Mereka berdedikasi sepenuh masa kepada platform pelesenan kelab, untuk Liga Super dan Liga Perdana.

CLA dibantu oleh penasihat dari jabatan masing-masing di bidang tertentu seperti Teknikal, Kewangan, Undang-Undang & Infrastruktur.

CLA akan melaporkan segala urusan kepada setiausaha agong.

## PROFIL PEGAWAI PELESENAN KELAB (CLO)



Nama: Mohamad Nazaruddin

Jawatan: Pegawai Pelesenan Kelab  
(CLO)

Kelab: Perak FA (PAFA)

Umur: 23

## KENYATAAN CLO

Saya adalah bekas pelajar Sains Sukan di UiTM. Pada tahun 2016, saya menyertai Perak FA (PAFA) sebagai pelajar praktikal dan kemudian menjadi kakitangan tetap PAFA. Persatuan tersebut telah mengamanahkan saya sebagai CLO pada tahun lepas kerana prestasi kerja yang telah saya capai.

Meskipun saya turut mengendalikan peranan lain di dalam PAFA, saya secara peribadi mempelajari banyak tentang bola sepak melalui jawatan CLO ini.

Walaupun saya masih belajar tentang pelesenan kelab, saya yakin saya akan dapat memberikan yang terbaik dengan adanya bantuan dan bimbingan daripada rakan di sekeliling, dan dengan kerjasama dari kakitangan PAFA, saya dapat menyerahkan dokumen tepat pada waktunya melalui sistem CLAS.

Saya juga ingin berterima kasih kepada CLA daripada FAM atas sokongan yang diberikan kepada PAFA bagi melancarkan proses pelesenan kelab.

Matlamat saya adalah untuk memberikan yang terbaik melalui platform pelesenan kelab FAM dan membantu membawa PAFA ke tahap yang lebih tinggi dan professional.

## AKTIVITI SUKU PERTAMA 2018

**22 Januari: Seminar Pelesenan Kelab FAM 2018**

**5-7 Februari: Lawatan Pentadbiran ke NSFA**

**12-14 Februari: Lawatan Pentadbiran ke MUSA**

**19-21 Februari: Lawatan Pentadbiran ke JDT**

**22 Februari: Bengkel Pendidikan Pelesenan Kelab FAM - Infrastruktur (A Modern Day Football Stadium)**

## SETIAUSAHA AGONG FAM



Setiausaha Agong FAM mengatakan bahawa pelesenan kelab akan membawa kualiti dalam bola sepak ke atas semua elemen asas kelab itu. Beliau menyatakan hasratnya bahawa, sesebuah kelab itu perlu serius dalam penyerahan dokumen tahun ini bagi mengelakkan isu terlepas tarikh akhir penyerahan dokumen sama seperti tahun lepas

Beliau juga menyatakan bahawa semua kelab perlu menetapkan individu yang relevan kepada bengkel pendidikan pelesenan kelab tahun ini.

Beliau turut memberi amaran kepada kelab bahawa pemeriksaan dokumen pada tahun ini akan dijalankan dengan lebih tegas berbanding tahun lepas dan tidak akan ada ruang untuk sebarang kelonggaran.

FAM akan menjadi telus di dalam platform pelesenan kelab. Beliau berharap platform pelesenan kelab akan membawa kelab-kelab di Malaysia ke arah peningkatan kualiti dan piawaian dalam pentadbiran kelab dan pasukan bolasepak.

## LAWATAN PELESENAN KELAB FAM 2018



Pentadbiran Pelesenan Kelab FAM (CLA) telah memulakan lawatan pentadbiran pelesenan ke kelab-kelab di divisyen Liga Super Malaysia bermula daripada Februari. Lapan kelab dikunjungi oleh pasukan CLA di mana empat telah dikunjungi pada bulan Februari dan empat lagi pada bulan Mac.

Kelab yang dikunjungi adalah NSFA, MUSA, JDT, KLFA, PAFA, PKNS FC, PFA dan SELANGOR FA. Lawatan pentadbiran pelesenan kelab telah berjalan dengan baik dan pihak CLA berjaya memenuhi keperluan dalam setiap lawatan pentadbiran kelab mengikut Peraturan Pelesenan Kelab FAM Edisi 2018.

Kakitangan pentadbiran kelab yang bertanggungjawab terhadap setiap kriteria (Pasukan, Infrastruktur, Kewangan, Undang-Undang, Perniagaan & Kakitangan dan Pentadbiran) turut hadir semasa lawatan pentadbiran oleh CLA.

## AKTIVITI SUKU PERTAMA 2018

26-28 Februari: Lawatan Pentadbiran ke Kuala Lumpur FA

5-7 Mac: Lawatan Pentadbiran ke Perak FA

12-14 Mac: Lawatan Pentadbiran ke PKNS FC

19-21 Mac: Lawatan Pentadbiran ke Pahang FA

26-28 Mac: Lawatan Pentadbiran ke Selangor FA

## STATUS PERMOHONAN LESEN AFC & FAM 2018

Semua pasukan dari Liga Super 2018 secara rasmi telah memohon Lesen FAM, yang membolehkan mereka menyertai Liga Super 2019.

12 pasukan tersebut ialah Kedah, Perak, PKNP FC, Selangor, PKNS FC, Negeri Sembilan, Melaka United, Johor Darul Ta'zim FC, Terengganu FC, Kelantan, Kuala Lumpur dan Pahang.

Kesemua pasukan kecuali Pahang, juga telah memohon Lesen AFC yang membolehkan mereka bersaing dalam Liga Juara-Juara AFC 2019.

Sementara itu, 10 daripada 12 pasukan dalam Liga Perdana 2018 telah memohon Lesen FAM yang menjadikan mereka layak untuk bersaing dalam Liga Super 2019, jika layak mengikut merit.

10 pasukan tersebut adalah Pulau Pinang, Felda United FC, PDRM, Uitm FC, MIFA, FA Kuantan, Felcra FC, Sabah, Sarawak dan UKM FC.

Dua lagi pasukan, Johor Darul Ta'zim FC II dan Terengganu FC II tidak memohon kerana status mereka sebagai kelab feeder kepada Johor Darul Ta'zim FC dan Terengganu FC dari Liga Super.

## BENGGEL PENDIDIKAN PELESENAN KELAB FAM



Jabatan Pelesenan Kelab FAM telah mengadakan bengkel mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kriteria Infrastruktur. Ia adalah sebahagian daripada siri bengkel pendidikan yang akan dianjurkan pada tahun 2018 untuk meningkatkan pemahaman para kakitangan di peringkat kelab yang bertanggungjawab terhadap kriteria masing-masing serta mengembangkan pengetahuan dengan maklumat terkini dan perkara yang berlaku di seluruh dunia bola sepak hari ini.

Penceramah, tenaga pengajar dan pakar dari FAM, AFC dan FIFA telah dijemput ke bengkel untuk mendidik dan berkongsi ilmu kepada kelab-kelab dari Liga Super Malaysia dan Liga Perdana. Bengkel pendidikan pelesenan kelab FAM akan diadakan pada bulan April berkenaan kriteria undang-undang dan kewangan.

## TARIKH UTAMA PELESENAN KELAB FAM 2018

**Kriteria Kakitangan dan Pentadbiran:**

8 Mac 2018

**Kriteria Pasukan:**

30 Mac 2018

**Kriteria Undang-Undang:**

16 April 2018

**Kriteria Perniagaan:**

30 April 2018

**Kriteria Infrastruktur:**

7 Jun 2018

**Kriteria Kewangan:**

20 Julai 2018